

Bermain Menurut Islam: Konteks Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Playing According to Islam: The Context of Early Childhood Education

Muhammad Saifullah Mamat

Muhammad Saifullah Mamat, Faculty of Human Development, University Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Malaysia, e-mel: hapish88@gmail.com

ABSTRAK

Agama Islam adalah agama yang syumul yang sesuai bagi setiap lapisan masyarakat bagi sepanjang zaman. Agama Islam juga menitik beratkan kesejahteraan semua lapisan masyarakat termasuklah kanak-kanak. Dalam aspek pembangunan manusia pula, terdapat panduan-panduan yang telah ditetapkan bertepatan dengan tahap perkembangan masing-masing. Begitu juga bagi kanak-kanak, agama Islam memberi penekanan yang jitu terhadap tahap perkembangan kanak-kanak dengan meraikan fitrah semula jadi mereka yang suka bermain. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tentang bermain dalam konteks Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian perpustakaan untuk mencari maklumat primer yang berkaitan dengan pendekatan terapi bermain menurut pandangan Islam. Maklumat-maklumat yang diperolehi adalah daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal, hadis dan al-Quran serta artikel. Maklumat ini dikumpulkan dan disaring serta dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Analisis yang telah dijalankan menjelaskan pendekatan bermain yang diperkenalkan oleh barat sebenarnya telah menjadi amalan gaya asuhan yang diajarkan oleh agama Islam dan juga telah dipraktiskan oleh Rasulullah SAW. Justeru, dengan pendedahan bermain diselaraskan dengan elemen agama dapat membantu perkembangan kanak-kanak secara holistik merangkumi sosial, emosi, fizikal dan juga spiritual.

Kata kunci: Pendidikan; Motivasi Intrinsik; Gaya Asuhan; Perapatan Sosial

ABSTRACT

Islam is a comprehensive religion that is suitable for every level of society for all time. Islam also emphasizes the well-being of all levels of society, including children. In the aspect of human development, there are guidelines that have been set to coincide with the level of development of each child. Similarly, for children, Islam places great emphasis on the level of development of children by celebrating their nature which is love to play. Therefore, this study aims to examine the views according to the Islamic context on the play-based approach that is generally pioneered by the west. This study uses a qualitative research method through library research to find primary information related to the approach of play therapy according to Islamic views. The

information obtained is from various sources such as books, journals, hadith, Al-Qur'an and articles. This information is collected, screened and analysed using content analysis techniques. The analysis that has been conducted explains that the play-based approach has actually being taught earlier in Islam and has also been practised by the Prophet SAW. Thus, the exposure of playing integrated with religious elements can help the development of children holistically including social, emotional, physical and spiritual.

Keywords: Education; Motivation; Parenting Style; Social Attachment

1. Pendahuluan

Menurut Mustaphar (2020) suatu masa dahulu kebanyakan pasangan yang berkahwin berharap akan mempunyai anak sendiri sebagai cahaya mata dan penyeri rumah tangga. Jika pasangan yang berkahwin tidak mempunyai anak, kecenderungan mereka untuk mengambil anak orang lain sebagai anak angkat adalah hal yang sering terjadi pada masa kini. Perkembangan teknologi kini telah membuka ruang bagi pasangan yang tidak mempunyai anak untuk melakukan pemeriksaan kesihatan dengan merujuk pakar-pakar berkaitan kesuburan. Sekiranya didapati si isteri tidak dapat memberikan zuriat, suami akan dibenarkan untuk berkahwin dengan wanita lain. Mempunyai anak yang ramai adalah sangat penting bagi sesebuah keluarga tradisional terutama untuk tujuan penjanaan ekonomi yang memerlukan ramai tenaga kerja seperti sektor pertanian. Menurut Ahmad (1996) pada abad ke 17 seorang kanak-kanak yang berusia tujuh tahun telah dilayan seperti seorang dewasa. Mereka dipakaikan dengan pakaian orang dewasa, mengikut ekspresi dan tabiat seperti orang dewasa hingga menjadikan mereka seperti dewasa kerdil (*little adults*). Mereka dijangka melakukan kerja-kerja produktif. Hal ini sangat jelas bagi sebuah keluarga miskin.

Menurut Ariés (1962), pada abad ke 19 ketika reformasi sosial dan berlakunya peningkatan jangka hayat serta tahap kesihatan yang baik telah memainkan peranan penting dalam mengeluarkan kanak-kanak dari eksloitasi pekerjaan. Mereka bukan sahaja dapat hidup dengan bebas malah berpeluang untuk bersekolah, bersosial dengan rakan-rakan seusia dan dapat mengisi masa yang lebih efisien bersama keluarga.

Peredaran zaman terus berlaku selari dengan dunia global. Abad ke 20 memberikan penekanan kepada zaman kanak-kanak. Zaman kanak-kanak dianggap sebagai zaman yang penting bagi pertumbuhan dan perkembangan mereka. Ibu bapa, guru dan komuniti masyarakat harus menjaga dan melayan kanak-kanak dengan sebaiknya (Che Su & Nan Zakiah, 2014).

Selamatnya kanak-kanak daripada eksloitasi pekerjaan menyebabkan mereka mempunyai banyak masa untuk belajar dan bermain dengan ahli keluarga serta rakan-rakan. Menurut Smagorinsky (2009) mengatakan bahawa

Vygotsky berpendapat bahawa bermain boleh membantu perkembangan emosi dan personaliti kanak-kanak. Melalui aktiviti bermain kanak-kanak dapat memperkembangkan konsep kendiri, melatih mereka bersabar, bertolak ansur, bekerjasama dan bantu membantu serta yakin kepada diri mereka sendiri (Santrock, 2004).

Walau bagaimanapun, era globalisasi serta wujudnya perubahan yang berlaku dalam kehidupan masa kini menyebabkan pola bermain kanak-kanak turut berubah iaitu daripada bermain dengan kawan-kawan dalam kumpulan di luar rumah kepada bermain secara bersendirian di hadapan layar di dalam rumah. Perubahan ini mempunyai kaitan besar dengan perubahan persekitaran akibat perkembangan teknologi yang sangat pesat dalam masyarakat. Dapatkan kajian ada menunjukkan bahawa perubahan itu boleh dikaitkan dengan kemerosotan taraf kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak. Laporan-laporan perubatan menunjukkan bilangan kanak-kanak yang mengalami masalah obesiti serta mengidap penyakit diabetes semakin meningkat. Insiden ini kerap dikaitkan dengan pengurangan aktiviti fizikal akibat daripada perubahan pola bermain serta aktiviti masa lapang yang dipenuhi dengan alat-alat teknologi seperti telefon pintar, konsol dan televisyen.

Islam menganjurkan kepada penganutnya agar menjaga kesihatan serta mengawal pemakanan. Menurut Shariff et al., (2008), kita akan jadi tidak sihat sekiranya kita mempunyai tabiat makan yang tidak sihat. Jika kita mengamalkan tabiat makan yang sihat dan mengikut saranan pakar nutrisi, kita akan jadi lebih sihat. Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, bermain merupakan salah satu cara untuk seseorang kanak-kanak merembeskan tenaga-tenaga yang diperolehi ketika makan melalui aktiviti bermain. Menurut Froebel dalam Vickerius & Sandberg (2006), kerja, bermain dan belajar adalah satu unit dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memperincikan pengajaran-pengajaran yang dapat dikutip melalui penelitian terhadap isu-isu pendidikan awal dalam konteks Islam. Pengajaran yang diperolehi akan dijadikan bahan bercetak untuk dikongsikan bersama dengan ibu bapa dan masyarakat terutamanya soal pendidikan anak-anak pada peringkat masih kecil. Pendidikan di peringkat awal memerlukan kebijaksanaan serta kebolehan untuk mengendalikan psikologi diri sendiri mahupun anak-anak supaya anak-anak tidak menyeleweng.

2. Metodologi Kajian

2.1 Pengenalan

Idris Awang (2001), mengatakan metodologi kajian merupakan satu kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti-bukti yang boleh menyokong sesuatu rumusan. Metodologi akan menerangkan tentang cara sesuatu masalah disiasat dan sebab sesuatu kaedah serta teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi adalah untuk membantu memahami dengan lebih meluas tentang pengaplikasian kaedah dengan cara membuat huraian tentang proses kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kajian secara kepustakaan dengan meneliti dapatan kajian daripada pengkaji-pengkaji lepas. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah penulisan secara deskriptif bagi menghuraikan tentang isu bermain dalam kalangan kanak-kanak.

2.2 Reka bentuk Kajian.

Reka bentuk kajian memberi gambaran tentang kerangka, perancangan atau strategi yang menentukan prosedur kajian. Dalam kajian ini penulis memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik penulisan secara deskriptif untuk membincangkan teori dan jenis bermain bagi menjelaskan lagi aspek dan kepentingan bermain dalam konteks Islam.

3. Kajian Literatur

3.1 Pendidikan Anak-Anak

Menurut Asnawan (2012), pendidikan bukan sahaja proses pembentukan manusia yang melibatkan institusi dan sesetengah pihak sahaja, tetapi ia melalui pendekatan dari hati ke hati yang penuh dengan suasana kasih sayang dan kemesraan. Pemupukan kasih sayang hanya dapat diberikan dengan berkesan oleh ibu bapa terhadap anak-anaknya di rumah.

Manakala menurut Sulaiman & Ismail (2017) pula pendidikan dalam erti kata yang lain bermaksud perbuatan, perihal, perbuatan atau perlakuan serta cara mendidik. Pendidikan terhadap anak-anak mestilah diserasikan dengan roh keislaman secara menyeluruh bagi menjamin kehidupan yang bahagia di dunia dan akhirat kelak. Yahaya (2017) mengatakan ibu bapa seharusnya memainkan peranan yang penting dalam membekalkan keperluan rohani kepada anak-anak mereka. Selari dengan kedudukan rumah yang dikategorikan sebagai sebuah institusi pendidikan pertama, ibu bapalah yang lebih banyak bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan agama, akidah dan akhlak.

Mohamad & Habibie (2018) berpendapat, punca utama penglibatan remaja dalam masalah sosial adalah kerana kurangnya tanggungjawab, perhatian dan kasih sayang yang diberikan oleh ibu bapa dan keluarga. Justeru, menurut Ishak (2018) ibu bapa yang gagal dalam memainkan peranan sebagai contoh teladan kepada anak-anak mereka akan mendatangkan kesan yang negatif kepada perkembangan mereka.

3.2 Pendidikan anak-anak menurut Islam

Menurut Pratiwi (2021), pendidikan anak adalah perkara yang sangat penting di dalam Islam. Di dalam al-Quran kita dapat bagaimana Allah SWT menceritakan tentang petua-petua Luqman yang merupakan kaedah atau bentuk pendidikan bagi anak-anaknya. Begitu juga dalam hadis-hadis Rasulullah SAW terdapat banyak yang ditemui kaedah atau bentuk-bentuk pendidikan terhadap anak, baik secara perintah mahu pun perbuatan baginda dalam mendidik anak secara langsung atau tidak langsung. Seorang pendidik, baik ibu bapa mahu pun guru hendaklah mengetahui betapa besarnya tanggungjawab mereka di hadapan Allah SWT terhadap pendidikan anak-anak.

Abdullah Nasih Ulwan (1998) dalam bukunya yang bertajuk, *Pendidikan Anak-Anak Menurut Islam* ada menyebut tentang sifat semula jadi ibu bapa terhadap anak-anak iaitu perasaan kasih sayang terhadap anak, belas kasihan dan memberi pendidikan terhadap anak-anak. Beliau juga menjelaskan tentang perkara-perkara yang perlu dilakukan apabila sesebuah keluarga berjaya memperoleh cahaya mata. Perkara-perkara tersebut ialah adab ketika berlakunya kelahiran seperti azan dan iqamat, melakukan tahnik serta mencukur kepala anak. Beliau juga ada menerangkan tentang cara untuk memilih nama anak dan proses terbaik untuk melakukan akikah bagi anak lelaki atau anak perempuan.

Menurut Azizi Yahaya (2012), kemiskinan, pergaduhan ibu bapa, perceraian, pengaruh rakan sebaya dan layanan buruk ibu bapa menjadi faktor penyumbang kepada penyelewengan yang berlaku terhadap anak-anak. Sikap ibu bapa yang tidak memberi penekanan terhadap pendidikan agama kepada anak-anak menjadikan mereka tidak dapat memacu kehidupan selari dengan ajaran Islam dan akhirnya menyebabkan anak-anak terjerumus ke kancah gejala sosial. Selain daripada penyelewengan, beliau juga ada mengupas tentang cara untuk mengelakkan dari berlakunya penyelewengan dalam kalangan anak-anak seperti memberikan pendidikan agama, kasih sayang yang secukupnya serta sentiasa memantau kehidupan anak-anak di luar kawasan kediaman.

Ringkasannya, pendidikan anak-anak menurut Islam begitu luas. Ia bukan hanya tertumpu kepada bacaan al-Quran, mendirikan solat serta memiliki akhlak yang baik semata-mata. Tetapi pendidikan ini mestilah

meliputi seluruh ruang kehidupan manusia sejak dari awal kelahiran sehingga kepada hari kematian.

3.3 Bermain sebagai alat menimba ilmu

Papalia dan Olds (1996) serta Santrock (2004) melihat bahawa bermain adalah aktiviti yang menyeronokkan bagi kanak-kanak. Walaupun mereka dilarang untuk bermain, mereka akan terus bermain di mana sahaja walaupun dengan sebatang pensel dan sekeping kertas. Aktiviti bermain menjadi semakin penting apabila mereka meningkat usia terutamanya dalam tahap kanak-kanak peringkat pertengahan (middle stage of childhood).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Hoffeth dan Sandberg (2001), mendapati bahawa kanak-kanak yang lebih dewasa memerlukan masa bermain yang lebih lama berbanding dengan kanak-kanak pada tahap awal perkembangannya (early stage of childhood). Sehubungan dengan itu, dalam konteks penulisan ini bermain merujuk kepada aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak sama ada secara bersendirian atau berkumpulan. Bukan atas dasar paksaan sesiapa tetapi mereka secara sukarela bermain. Bermain juga berlaku di dalam rumah ataupun di luar rumah. Kanak-kanak juga berkemungkinan bermain dengan barang-barang mainan yang dibeli atau direka sendiri oleh kanak-kanak atau ibu bapa. Semasa bermain juga, kanak-kanak diawasi oleh ibu bapa dan terkadang ibu bapa membiarkan mereka bermain secara bersendirian dengan meneliti faktor-faktor keselamatan sebelum meninggalkan kanak-kanak bersendirian.

Menurut Morrison (2000) bermain penting kepada kanak-kanak kerana melalui aktiviti tersebut mereka belajar mengenal persekitaran sosial dan fizikalnya malah dapat memberi peluang kepada mereka untuk menguasai kemahiran baharu di samping memperkembangkan konsep dan pengalaman. Bermain juga dapat menggalakkan pengetahuan yang perlu dikaitkan dengan cabaran semasa yang akan dihadapi oleh kanak-kanak secara efektif apabila mereka mula melangkah kaki ke era persekolahan. Melalui aktiviti bermain kanak-kanak secara tidak langsung menjadi pelajar kerana mereka dapat melihat diri mereka sendiri terutama apabila menyelesaikan masalah-masalah berkaitan sosialisasi, meningkatkan perkembangan intelektual, mengawal tingkah laku dan emosi serta dapat meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah.

Justeru itu, bermain merupakan satu bidang yang amat serius kepada perkembangan kanak-kanak kerana aktiviti bermain dapat membantu mereka mengembangkan sikap yang positif dalam pembelajaran. Bermain juga memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk belajar pelbagai kemahiran yang akan memberi kesan jangka panjang terhadap pertumbuhan dan perkembangan mereka (Papalia, 1996).

Selain daripada dapat meningkatkan kemahiran motor halus dan kasar, bermain juga dapat membantu kanak-kanak mengembangkan inisiatif, regulasi diri dan kemahiran sosial mereka (Hoffeth & Sandberg 2001). Bermain dapat memberikan pelbagai faedah kepada kanak-kanak terutama dari aspek perkembangan psikologi. Antara aspek positif yang diperolehi oleh kanak-kanak ketika bermain adalah berkadar langsung dengan faktor kesihatan dan perkembangan fizikal yang baik (Sutterby & Frost 2006). Bermain dengan melakukan aktiviti seperti kejar mengejar, menolak dan menarik rakan-rakan akan menjadikan kanak-kanak bergerak aktif dan pada masa yang sama kanak-kanak juga dapat meningkatkan perkembangan kognitif dengan cara berfikir dan berkomunikasi bersama rakan-rakan.

Kajian-kajian yang dijalankan oleh Roskos dan Christie (2007) serta Sawyer dan DeZutter (2007) pula mendapati aktiviti bermain amat penting terutama sebagai medan untuk menggalakkan perkembangan kognitif kanak-kanak. Ia menjadikan kanak-kanak rancak untuk berbual, berlakunya perkembangan kemahiran berbahasa dan mengira. Oleh yang demikian, setiap prasekolah amat digalakkan untuk mengaplikasikan kaedah belajar sambil bermain agar semua faktor-faktor penting bagi kanak-kanak yang sedang berkembang dapat dipenuhi.

Ahli-ahli teori psikologi terkemuka iaitu Freud dan Erikson mendapati bermain dapat membantu kanak-kanak mengatasi masalah kebimbangan dan konflik yang timbul dalam kehidupan seharian dan ianya secara tidak langsung dapat meningkatkan penghargaan kendiri (Santrock 2004). Manakala menurut Katz (1993), apabila seseorang kanak-kanak berada dalam kumpulan dan berfungsi sebagai ahli kumpulan yang berkesan, secara tidak langsung penghargaan kendiri kanak-kanak tersebut akan meningkat kerana aktiviti bermain kanak-kanak bersama ahli kumpulannya akan membantu kanak-kanak bersosial dengan ahli kumpulan terutama ketika kanak-kanak itu diterima masuk ke dalam sesebuah kumpulan.

Kajian oleh Rubin dan Clark (1983) pula mendapati kanak-kanak yang sering terlibat dengan aktiviti permainan sosial akan menjadikan mereka lebih rapat dengan rakan-rakan dan ibu bapa berbanding dengan kanak-kanak yang tidak terlibat dengan aktiviti permainan sosial. Ini kerana melalui aktiviti permainan sosial, mereka akan lebih bijak menguruskan komunikasi dan emosi sewaktu bermain bersama rakan-rakan. Manakala dalam aspek perkembangan sosial pula, bermain akan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk belajar cara berhubung atau berinteraksi dengan orang lain. Perkara ini amat penting dan menjadi asas kepada sesebuah perhubungan apabila mereka masuk ke alam dewasa kelak. Tambahan pula, aktiviti bermain boleh meningkatkan penerokaan persekitaran yang menyeluruh dan membentuk suasana selamat bagi kanak-kanak untuk mencuba sesuatu perkara yang baharu.

Seterusnya, Rubin dan Clark (1983) bersetuju dengan mengatakan bahawa kanak-kanak yang terlibat secara langsung dengan peraturan dan

bersosial ketika melakukan aktiviti bermain akan lebih cenderung untuk menjadi golongan yang diminati dalam sesebuah kumpulan yang disertainya. Malah mereka akan lebih berjaya dalam aspek kemahiran sosial yang berkaitan bidang kemanusiaan. Selain daripada itu, terdapat juga pengkaji-pengkaji barat, tokoh psikologi Islam seperti imam al-Ghazali amat menggalakkan ibu bapa untuk memberi kebenaran kepada anak-anak mereka bermain kerana menurut beliau bermain merupakan satu perkara penting bagi seseorang kanak-kanak.

Bermain dapat memberi kerehatan kepada mental dan fizikal kanak-kanak setelah mengalami bebanan emosi, mental dan fizikal di pusat-pusat pembelajaran. Tambah beliau lagi, kanak-kanak yang sering dipaksa untuk belajar sepanjang masa akan menyebabkan hati kanak-kanak itu mati dan kebijaksanaan kanak-kanak itu akan menjadi lemah. Ini kerana kanak-kanak akan merasa terkongkong dan mula bosan untuk melakukan aktiviti yang sama sepanjang masa. Hasil daripada itu, kanak-kanak akan mencari pelbagai alasan yang munasabah untuk melepaskan diri daripada melakukan aktiviti tersebut. Akhirnya, kanak-kanak akan belajar menipu dan ia akan memberi kesan yang buruk untuk jangka masa panjang bagi seseorang kanak-kanak.

Menurut Wan Azreena (1994), kanak-kanak yang dipaksa dan ditekan untuk menjalani kehidupan harian dengan melakukan aktiviti yang sama akan menjadikan kanak-kanak tersebut hilang motivasi untuk belajar dan seterusnya akan menghilangkan minat kanak-kanak untuk mendalami ilmu-ilmu fardu ain pada masa-masa yang akan datang.

4. Bermain Menurut Islam

Menurut Wilson & Ray (2018). Bermain merupakan salah satu aktiviti yang penting dalam perkembangan kanak-kanak. Ia juga berkait rapat dengan fungsi otak, pembentukan emosi, tingkah laku dan sikap kanak-kanak. Ironinya, dalam keadaan orang dewasa sedang berhadapan dengan kesukaran untuk mengawal emosi melalui aktiviti riadah, bersukan atau hobi. Manakala bagi kanak-kanak pula aktiviti bermain merupakan cara terbaik untuk mereka mengawal emosi dan tekanan yang dihadapi.

Selain itu, aktiviti bermain turut menyediakan ruang dan peluang kepada kanak-kanak untuk menjadi lebih kreatif, mengembangkan bakat sedia ada, meningkatkan kemahiran berfikir dalam menyelesaikan masalah serta meningkatkan pencapaian dan keyakinan diri mereka sendiri. Menurut kajian yang dilakukan oleh Andrade (2019) menyatakan bahawa kanak-kanak yang diberi peluang untuk bermain akan memiliki perkembangan sosial dan emosi yang lebih baik serta lebih stabil. Ini kerana melalui aktiviti bermain yang dilakukan, kanak-kanak sebenarnya sedang meluahkan perasaan, emosi serta pemikiran mereka. Ditambah pula dengan penggunaan pancaindera secara maksima seperti memerhati, menyiasat, mencuba, mencipta, berfikir dan

berimajinasi akan menghasilkan seorang kanak-kanak yang cepat matang, berpengetahuan yang luas dan berpandangan jauh. Berlawanan dengan kanak-kanak yang tidak diberi ruang dan peluang untuk bermain akan lebih cenderung untuk mengalami gangguan emosi, kurang cerdas dan tidak bersosialisasi.

Tidak ada sangkaan yang mengatakan bahawa bermain adalah aktiviti yang tidak memberikan keseronokan. Malah dalam agama Islam tidak sama sekali menegah tetapi Islam amat menggalakkan kanak-kanak untuk bermain, sebagaimana hadis diriwayatkan oleh imam al-Bukhari, Aisyah RA berkata;

“Aku selalu bermain anak patung di rumah Rasulullah SAW. Adakalanya rakan-rakan ku datang untuk bermain bersamaku. Suatu hari Nabi SAW datang kepada kami, kami semua terus bersembunyi kerana takutkan Baginda Nabi SAW. Namun begitu, Nabi SAW tidak pula kelihatan marah (apabila melihat patung mainan di tangan mereka), tetapi Nabi SAW datang dan bermain bersama.”

[*Sahīh al-Bukhāri*, no. hadith: 6230]

Sementelah bagi kanak-kanak yang mana bagi mereka bermain merupakan salah satu nikmat yang amat besar kerana melalui bermain mereka memperoleh keseronokan dan kebahagiaan. Oleh itu, agama Islam amat menggalakkan kanak-kanak untuk bermain kerana ia merupakan satu keperluan bagi mereka terutama dari sudut tumbesaran fizikal dan mental. Terdapat riwayat yang mengatakan bahawa Nabi SAW juga menunjukkan contoh yang terbaik dalam berhadapan dengan kanak-kanak yang mana Baginda SAW meraikan kanak-kanak yang suka bermain. Baginda SAW sering kali bermain dan bergurau dengan cucu kesayangannya. Terdapat juga dalam satu riwayat yang mengatakan bahawa Baginda SAW mengendong Hasan dan Husin serta bermain kuda-kuda. Menurut Mulyani (2016) dalam riwayat yang lain Saidina Umar bin al-Khattab RA merangkak dan anak-anaknya bermain di atas belakangnya.

Suri teladan ini dapat kita ambil sebagai pengajaran bahawa bermain dengan anak-anak bukanlah sesuatu perkara yang membuang masa sebaliknya ia merupakan kunci ikatan cinta dan kasih sayang serta penghormatan.

Secara amnya, bermain dalam konteks kanak-kanak merupakan sesuatu aktiviti yang digalakkan dan dituntut. Aktiviti bermain bukan sahaja dapat membantu perkembangan mereka malah ia merupakan keperluan bagi memenuhi fitrah kemanusiaan yang mana mereka dicipta untuk memiliki sifat dan keinginan bermain bermula usia kecil.

Tambahan lagi bermain merupakan aksi, kelakuan atau tindakan yang boleh dihargai dan mudah untuk dikenal pasti (Sluss, 2005). Terdapat banyak tokoh-tokoh yang mendefinisikan bermain antaranya menurut Hughes (1999) beliau menjelaskan bahawa terdapat lima kelas bermain iaitu:

- i. Motivasi intrinsik; aktiviti bermain yang datang hasil daripada keinginan dalam diri mereka sendiri. Ia dilakukan agar mereka mendapat kepuasan terhadap aktiviti tersebut.
- ii. Bebas dipilih; setiap kanak-kanak haruslah bebas memilih setiap aktiviti yang mereka inginkan. Maksudnya kanak-kanak bebas bermain permainan yang mereka suka. Jika kanak-kanak dipaksa, mereka akan merasakan bahawa aktiviti tersebut adalah satu tugas dan bukan aktiviti permainan sebenar yang mereka inginkan.
- iii. Menyeronokkan; kanak-kanak mestilah merasa seronok dan tidak merasa tertekan dengan aktiviti permainan mereka. Hasil daripada keseronokan ini kanak-kanak lebih bersifat ingin meneroka dunia di persekitaran mereka melalui aktiviti bermain.
- iv. Tidak boleh diinterpretasikan; aktiviti bermain biasanya melibatkan elemen-elemen tertentu seperti kepercayaan, sinergi serta uslub untuk mengubah atau mengolah realiti agar dapat disesuaikan dengan minat kanak-kanak yang bermain. Permainan yang bersifat simbolik dapat membantu kanak-kanak mengembangkan sosioemosi mereka.
- v. Implementasi aktif; kanak-kanak mestilah terlibat secara mental dan fizikal serta psikologikal dalam aktiviti bermain dan bukan bersifat pasif malah tidak memberikan apa-apa reaksi terhadap aktiviti yang berlaku.

Manakala menurut Cardiah (2021) dalam kajian klasiknya mengkategorikan enam bentuk bermain kanak-kanak pra sekolah (Feldman 2003), iaitu:

- i. Main berfungsi; merupakan aktiviti ringkas yang dilakukan secara berulang-ulang. Ia melibatkan pergerakan objek atau otot dan kebiasaannya dilakukan oleh kanak-kanak yang berusia 3 tahun. Contohnya, bermain anak patung, lompat tali atau bermain tanah liat.
- ii. Permainan yang membina; permainan jenis ini lebih sofistikasi apabila kanak-kanak memanipulasikan objek untuk menghasilkan atau membina sesuatu. Kebiasaannya permainan ini berbentuk konstruktif yang akan membantu menguji akal dan otot halus mereka. Contohnya, membina rumah menggunakan lego, melengkapkan puzzle dan membuat bentuk menggunakan tanah liat. Kebiasaannya aktiviti ini dilakukan oleh kanak-kanak yang berusia 4 tahun.

- iii. Main selari; berlaku apabila sekumpulan kanak-kanak berada di satu meja sambil bermain tetapi tidak melakukan sebarang interaksi antara mereka iaitu mereka berada secara bersebelahan tetapi tidak berinteraksi. Keadaan ini biasanya berlaku kepada kanak-kanak awal pra sekolah.
- iv. Menonton permainan; kanak-kanak hanya melihat rakan-rakan mereka bermain tetapi kanak-kanak tersebut tidak turut serta bermain. Namun begitu, adakalanya kanak-kanak memberikan komen atau kritik terhadap permainan rakan-rakannya. Hal ini berlaku apabila kanak-kanak itu tidak turut serta dalam bermain.
- v. Main bersekutu; merujuk kepada dua orang kanak-kanak yang berkongsi alat permainan tetapi tidak mempunyai matlamat yang sama sewaktu bermain. Contohnya apabila dua orang kanak-kanak sedang bermain lego, setiap daripada mereka mempunyai matlamat yang berbeza. Salah seorang daripada mereka membina bangunan dan seorang lagi membina kenderaan.
- vi. Main bersama; kanak-kanak bermain sebenar-benarnya dengan kawan-kawan. Mereka bekerjasama dalam melakukan aktiviti seperti pertandingan, lumba lari dan membina lego.

5. Kesimpulan

Bermain merupakan satu aktiviti yang menyeronokkan. Ia muncul dari dalam seseorang individu sama ada kanak-kanak atau orang dewasa. Aktiviti bermain bagi kanak-kanak bukan sahaja bersifat menyeronokkan tetapi ianya mempunyai matlamat iaitu untuk meningkatkan perkembangan fizikal, emosi dan sosial kanak-kanak. Namun, Islam menggariskan panduan-panduan untuk bermain agar tidak memudaratkan diri dan orang lain terutama dari sudut ibadat, akademik, hubungan sosial dan emosi. Pengamalan aktiviti bermain yang sihat terutama bagi kanak-kanak akan memberi banyak kebaikan berbanding keburukan sesuai dengan panduan yang diberikan dalam Islam.

Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan (1998). *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam*. Jil. 1,2,3: Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abu Hilal, A. et al. (1993). *Al-marji' fi mabadi al-Tarbiyyah*. Amman: Dar As-Syuruq.
- Ahmad, A. (1996). *Work-family conflict among married professional women in malaysia*. Journal of Social Psychology, 136(5), 663–665. <https://doi.org/10.1080/00224545.1996.9714054>
- Al-A'udat, M.A. (1992). *Child right in the Islamic law*. At-Tarbiyyah Journal, No. 102, pp.183- 193.
- Al-Ghazali (1988). *Ihya Ulumiddin: Jiwa Agama*. Terjemahan Ismail Yakub. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Al-Imam Abi 'Abdillah Muhammad bin Ismail Al-Bukhari, Sahih Bukhari 5, no. 5779).

- Andrade. (2019). *Benefits of play for the social and emotional development of children in kindergarten*. Capstone Projects and Master's Theses.
- Anisah, S. H. (2018). *Nilai-nilai Pendidikan Akhlak dalam Al-Qur'an Surat Yusuf Ayat 8-18* (Doctoral dissertation, Salatiga).
- Ariés, P. (1962). *Centuries of childhood*. New York: Vintage Books.
- Asmawati Suhid (2005). *Pemantapan Komponen akhlak dalam pendidikan Islam bagi menangani era globalisasi*. Jurnal Kemanusiaan, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Bil.6, Disember 2005, hal. 95-103.
- Asnawan (2012). *Tanggungjawab Pendidikan Kejiwaan Anak-Anak Bagi Orang Tua (Telaah Oemikiran Abdulllah Nasih Ulwan*. Jurnal Falasifa, 3 (1), 1-22.
- Azizi Yahaya et.al. (2012). *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja, Punca dan Rawatan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Bukhari, I. (1986). Sahih Bukhari.
- Cardiah, T., Sudarisman, I., Natasya, E. F., Putri, A. R., Senawianto, A. N., & Andiyan, A. (2021). PATTERN OF SPACE DAN PERILAKU BERMAIN ANAK SEKOLAH SELAMA PENDIDIKAN JARAK JAUH (PJJ). *Jurnal Arsitektur ARCADE*, 5(3), 286-298.
- Che Su Mustaffa & NanZakiah Megat Ibrahim. (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: Satu Analisis Kualitatif. *Malaysian Journal of Communication*, Jilid 30 (Special Issue) 2014, 43-74.
- Fatimah Abdulllah (2008). Dari Halaman Rumah Ke Hadapan Layar: Pola Bermain Dan Fungsinya Kepada Perkembangan Kanak-Kanak. *Jurnal sains sosial dan kemanusiaan*, 1(2-3)
- Feldman, R. S. (2003). Development across the life span. Ed ke 3. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Hofferth, S. L. & Sandberg, J. F. (2001). How American children use their time. *Journal of Marriage and Family*, 62, May: 295-308.
- Idris Awang (2001). *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Multimedia and Publications, h. 53
- Ishak, I. (2018). *Modenisasi Dan Wacana Mengenai Penglibatan Remaja Dalam Gejala Sosial*. Muat turun Daripada https://www.academia.edu/17331717/MODENISASI_DAN_MASALAH_SOSIAL_REMAJA
- Jones, S. M., & Doolittle, E. J. (2017). *Social and emotional learning: Introducing the issue. The future of children*, 3-11.
- Kartono, Kartini, (1992). *Pengantar Ilmu Pendidikan Teoritis (Apakah Pendidikan Masih Diperlukan)*, Mandar Maju, Bandung.
- Katz, L. G. (1993). *Self-esteem and narcissism: Implication for practice*. ERIC Digest. www.ericdigest.org/1993/esteem.htm 1 July 2006.
- Mack, W. E. (1994). *The Effect of Training in Computer-Aided Design on the Spatial Visualization Ability of Selected Gifted Adolescents*. *Journal of Industrial Teacher Education*, 31(2), 28-43.
- Mastura Badzis. (2013). *Pendidikan anak-anak di peringkat awal umur berdasarkan binaan kurikulum yang integratif*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Minda Madani. <http://mindamadani.my>. Dimuat turun pada 12 Disember 2016
- Mohamad, R. (2018). *Gejala Sosial di Kalangan Remaja*. Muat-turun daripada https://www.academia.edu/12537670/GEJALA_SOSIAL_DI_KALANGAN_REM_AJA
- Mohammad Rahimee Ibrahim. (2015). *Penggunaan teknologi di dalam pendidikan awal Islam kanak-kanak*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam 2015. Indonesia: Batam. Hlm. 147-153

- Mohd. Rosdi Mahamud (2009). *Mata pelajaran Pendidikan Islam dan kesannya terhadap peningkatan disiplin pelajar: Kajian di sekolah-sekolah menengah kebangsaan negeri Perlis*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan.
- Morrison, G.S. (2000). *Early childhood education today*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Mulyani,N.(2016). *Dasar-dasar pendidikan anak usia dini*, Kalimedia, 80.
- Mulyati, U. (2021). *Konsep Pendidikan Islam Multikultural Dalam Pemikiran Sayyid Ja'far Shaddiq (Sunan Kudus)* (Doctoral Dissertation, Unisnu Jepara).
- Musthapar, N. F., Azahari, R. H., & Ahmad, B. (2020). *Sakīnah , Mawaddah and Rahmah in Husband-Wife Relationship : A Literature Review*. Jurnal Syariah, 1(28), 81–104.
- Nor Shahida Mohammad & Sanep Ahmad (2013). *Pembangunan menurut perspektif Islam: Satu analisis awalan*. Prosiding PERKEM VIII, Jilid 1 (2013) 355-370
- Papalia, D. E. & Olds, S. W (1996). Child's world: Infancy through Adolescence. Ed. ke 7. New York: McGraw Hill.
- Papalia, D. E. dan Olds, S. W. (1978). *Human Development*. New York: Mc Graw Hill.
- Peter, L. J. (2012). *Kesihatan Kanak-Kanak Sekolah Di Seberang Perai Dan Pulau Pinang, 1920-1957*. My Jurnal.
- Pratiwi, D. (2021). *Bimbingan Ibadah Bagi Mualaf Dalam Buku Bimbingan Islam Untuk Pribadi Dan Masyarakat*. Karya Syeikh Muhammad Bin Jamil Zainu. Doctoral Dissertation, Uin Raden: Fatah Palembang.
- Roskos, K.A., & Christie, J. F (2007). *Play and literacy in early childhood*. New Jersey: Erlbaum.
- Rubin, K. H. & Clarke, M. L (1983). “*Preschool teachers’ ratings of behavioral problems: Observational, sociometric and social-cognitive correlates*. Journal of Abnormal Child Psychology, 11(2).
- Santrock, J. W (2004). *Life span development*. Ed. ke 9. Boston: McGraw Hill.
- Sawyer, R. K., & DeZutter, S (2007). *Improvisation: A lens for play and literacy research*. Dalam Roskos, K.A., & Christie, J.F. (Pnyt.). Play and literacy in early childhood. New Jersey: Erlbaum.
- Shariff et al. (2008). *Nutrition Education Intervention Improves Nutrition Knowledge, Attitude and Practices of Primary School Children: A Pilot Study*. International Electronic Journal of Health Education, (11), 119-132.
- Sluss, D., J. (2005). *Supporting play: Birth through age eight*. Canada: Thomsom Delmar Learning. Hughes, F. F. 1999. Children, play and development. Ed ke 3. Boston: Allyn and Bacon.
- Smagorinsky, P.H (2009). “*The Culture of Vygotsky*”. Reading Research Quarterly, 44 (1), 85-94, DOI: dx.doi.org/10.1598/RRQ.44.1.4
- Sulaiman, S. & Ismail, A. (2017). *Pengaruh didikan keluarga di rumah dalam kalangan penagih dadah*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 4(1), 93-103
- Sutterby, J. A., & Frost, J. (2006). *Creating play environments for early childhood: Indoors and out*. Dalam Spodek, B. & Saracho, O. N. (Pnyt.) Handbook of research on the education of young children (Ed. Ke-2). New Jersey: Erlbaum.
- Syeikh Muhammad Jamaluddin (2014). *Mutiara Ihya' Ulumuddin*. Ipoh, Perak: Buku-Buku.
- Tuah, A. H. M., Stapa, Z., & Munawar, A. (2012). *Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak (Strengthening Malay-Muslim Identity through Islamic Education and Akhlak Teaching)*. Jurnal Hadhari: An International Journal, 23-35.
- Vickerius, M., & Sandberg, A. (2006). *The significance of play and the environment around play*. Early Child Development and Care , 176, 207–217.
- Wan Azreena Wan Jaafar (1994). *Konsep pendidikan kanak-kanak menurut tokoh psikologi barat dan Islam. Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bermain Menurut Islam: Konteks Pendidikan Awal Kanak-Kanak

- Wilson, B. J., & Ray, D. (2018). *Child-centered play therapy: Aggression, empathy, and self-regulation*. Journal of Counseling & Development, 96(4), 399–409.
- Yahaya, A. (2017). *Keluarga dalam Pembentukan Moral*. Muat-turun daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/6035/1/aziziyahmoral.pdf>